



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 1, Issue 3, June 2016

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Pengaplikasian Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy* Dalam Penyelidikan Berkaitan Islam

Mohd Shukri Hanapi¹, Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar²

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

²Pusat Penataran Ilmu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak

Correspondence: Mohd Shukri Hanapi (hshukeri@yahoo.com)

Abstrak

Terdapat pelbagai penyelidikan yang telah dilakukan oleh para ilmuwan Islam, terutamanya ilmuwan Islam silam berhubung bidang-bidang yang mereka terokai seperti bidang akidah, fiqh, tasawuf, tafsir, hadith, falak, falsafah dan sebagainya. Dalam menerokai bidang-bidang tersebut, mereka menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan. Namun, kebanyakan kaedah penyelidikan itu masih belum dikaji orang untuk diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan Islam. Atas sebab itulah kajian ini bertujuan mengkaji salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan oleh para ulama Islam silam, iaitu kaedah hadith *al-mawdu'iy*. Persoalannya, apakah kaedah hadith *al-mawdu'iy* itu? Bagaimanakah kaedah tersebut dapat diaplikasikan dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam? Untuk menjawab semua persoalan ini, perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, mengenal pasti kaedah hadith *al-mawdu'iy* yang digunakan oleh *muhaddithin* dalam menghuraikan hadith-hadith Rasulullah SAW; dan kedua, menganalisis kesesuaian pengaplikasian kaedah hadith *al-mawdu'iy* tersebut dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam. Sebagai hasilnya, kajian kualitatif ini mendapati kaedah hadith *al-mawdu'iy* sesuai diaplikasikan dalam penyelidikan berkaitan Islam. Kesesuaian ini berdasarkan dua aspek iaitu aspek penarafan sumber data dan aspek penganalisan data.

Kata kunci: aplikasi, kaedah, hadith *al-mawdu'iy*, penyelidikan, Islam

Applying the Thematic Hadith Method in Research Related to Islam

Abstract

Various research have been carried out by Islamic academicians, especially Islamic academicians from the past, related to fields they had explored such as beliefs (*aqidah*), Islamic jurisprudence (*fiqh*), mystical dimensions of Islam (*tasawuf*), interpretation (*tafsir*), *hadith*, astronomy (*falak*), philosophy etc. These academicians had used various research methods when exploring their fields of study. Hence, most of these research methods have yet to be studied before they could be applied as methods in Islamic research. It is for this reason that this study aims to study one the research methods used by past Islamic religious scholars, which is the thematic (*al-mawdu'iy*) hadith method. The two questions that arise in this study are, what is the thematic hadith method and how can the method be applied in research related to Islam. In order to answer these questions, the discussions in this study were divided into two main parts. The first is to identify the thematic hadith method used by the *muhaddithin* when elaborating on the Prophet's SAW hadith. The second is to analyse the suitability of applying the thematic hadith method in a study related to Islam. The quantitative study found that the thematic

hadith method was suitable for application in studies related to Islam. The suitability was based on two aspects, namely rating the sources of the data and analysing the data.

Keywords: applying, thematic, *hadith*, method, research, Islam

Pengenalan

Para ilmuwan Islam menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan dalam melakukan kajian berkaitan bidang-bidang seperti akidah, fiqh, tasawuf, tafsir, hadith, falak, falsafah dan sebagainya. Kaedah-kaedah yang digunakan itu adalah merupakan sebahagian daripada tradisi pemikiran mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan kaedah penyelidikan tersebut masih belum dikaji oleh para pengkaji untuk diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan Islam. Setakat ini, ilmu-ilmu yang terhasil daripada penyelidikan mereka sahaja yang diambil dan diberi tumpuan, tetapi jarang sekali dilihat usaha yang dilakukan untuk mengkaji kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan oleh para ilmuwan Islam untuk diaplikasikan dalam sesuatu kajian. Jika ada sekalipun, ia sangat berkurangan. Misalnya, Zahri Hamat dan Zul-kifli Husin (2008) mengkaji kualiti responden berdasarkan kaedah periwayatan hadith; Mahmood Zuhdi Abd Majid (2009) mengkaji kesesuaian pengaplikasian kaedah Usul Fiqh dalam penyelidikan Islam; Shahir Akram Hassan (2010) mengkaji pengaplikasian kaedah pengumpulan hadith sebagai kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan Islam; Nur Ilani Mat Nawi (2012) mengkaji aspek epistemologi dan tasawur salah satu cabang matematik iaitu ilmu algebra untuk diaplikasikan sebagai kaedah penganalisan data dalam kaedah penyelidikan Islam; Mohd Shukri Hanapi (2013) mengkaji kesesuaian pengaplikasian kaedah *mufassirin* (ahli-ahli tafsir) dalam proses penganalisan data bagi sesuatu penyelidikan berkaitan Islam; Mohd Syahmir Alias (2014) mengkaji kaedah saintifik dalam penelitian Islam; Mohd Syahmi Miswan (2014) mengkaji kesesuaian pengaplikasian kaedah *dilalah* dalam Usul Fiqh sebagai kaedah analisis data penyelidikan Islam; Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin (2014) mengkaji proses penfatwaan sebagai kaedah penyelidikan berlandaskan Islam; dan Nor Hanani Ismail (2015) mengkaji kaedah *naqd* (kritik) hadith sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam. Setakat ini, belum ditemui kajian yang membincangkan kesesuaian pengaplikasian kaedah hadith *al-mawdu'iy* dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam.

Atas kelompangan yang wujud inilah, maka makalah ini bertujuan mengkaji salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan oleh para ilmuwan Islam, iaitu kaedah hadith *al-mawdu'iy* (tematik). Secara lebih khusus lagi, makalah ini bertujuan meneliti dan mengkaji kesesuaian pengaplikasian kaedah hadith *al-mawdu'iy* dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam. Kaedah hadith *al-mawdu'iy* merupakan salah satu kaedah penyelidikan hadith selain kaedah hadith *al-tahliliy* (analisis). Setakat ini, usaha-usaha mengkaji ilmu-ilmu pembangunan berdasarkan hadith dan sirah Rasulullah SAW itu sudah ada, namun kaedah yang digunakan jarang sekali melibatkan kaedah hadith *al-mawdu'iy*. Kaedah-kaedah analisis yang lazim diguna pakai dan popular adalah seperti kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan kaedah analisis tekstual (*textual analysis*). Persoalannya, apakah kaedah hadith *al-mawdu'iy* itu? Bagaimanakah kaedah tersebut dapat diaplikasikan dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam?

Untuk menjawab semua persoalan ini, perbincangan dalam makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, membincangkan kaedah hadith *al-mawdu'iy* yang digunakan oleh *muhaddithin* dalam menghuraikan hadith-hadith Rasulullah SAW; dan kedua, membincangkan kesesuaian pengaplikasian kaedah hadith *al-mawdu'iy* tersebut dalam sesuatu penyelidikan berkaitan Islam. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan. Ia dilakukan dengan menganalisis pelbagai pandangan pakar dalam bidang hadith. Kesemua pandangan ini ditinjau berdasarkan kajian-kajian dan karya-karya yang sedia ada.

Maksud Hadith *Al-Mawdu'iy*

Hadith *al-mawdu'iy* merupakan istilah moden yang digunakan secara meluas dalam kalangan penyelidik yang mengkaji sesuatu tajuk atau tema berdasarkan hadith Rasulullah SAW mutakhir ini. Ia dianggap sebagai salah satu daripada cabang ilmu hadith yang baru. Menurut al-Zayyan (2002), hadith *al-mawdu'iy* bermaksud ilmu yang menghimpunkan dan menghuraikan riwayat-riwayat hadith yang pelbagai dari sumber utama hadith yang berkaitan sesuatu tajuk perbincangan. Ia boleh dilakukan dalam dua bentuk iaitu berdasarkan sesuatu perkataan dan berdasarkan makna. Dalam perkataan lain, hadith *al-mawdu'iy* merupakan ilmu yang membincangkan sesuatu tajuk atau tema yang berkaitan pemikiran, kemasyarakatan, perekonomian, alam semula jadi, segala lapangan ilmu pengetahuan dan kehidupan dalam lingkungan hadith-hadith Rasulullah SAW yang berkaitan dengannya. Tujuannya adalah untuk memperoleh konsep kefahaman dan penyelesaian menurut *al-manhaj al-nabawiy* (ajaran yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW melalui hadith-hadith).

Definisi Hadith *al-Mawdu'iy* yang dikemukakan oleh al-Zayyan (2002) ini sebenarnya adalah hasil olahan dan adaptasi daripada rujukan berkenaan kaedah tafsir *al-mawdu'iy* seperti karya al-Farmawiy (1977), 'Abd al-Rahim (1992), Muslim (1997), dan al-Khalidiy (2001). Walaupun rujukan mengenai tafsir *al-mawdu'iy* itu masih berkurangan, tetapi ia jauh terkehadapan berbanding rujukan berkaitan hadith *al-mawdu'iy*.

Latar Belakang Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy*

Menurut al-Syarman (2010), perkembangan ilmu hadith *al-mawdu'iy* secara tidak langsung telah bermula pada zaman Rasulullah SAW lagi kerana sebahagian percakapan dan khutbah Rasulullah SAW lebih jelas menjurus kepada sesuatu judul atau tema. Hal ini kerana, tindakan Baginda menggunakan kaedah hadith *al-mawdu'iy* tersebut memberikan kefahaman yang lebih jelas dan pelaksanaan yang lebih baik berdasarkan beberapa hadith yang diterangkan. Menurut al-Syarman (2010) lagi, perkembangan hadith *al-mawdu'iy* ini mempunyai beberapa peringkat perkembangan pada setiap generasi sehinggalah kepada hari ini. Walau bagaimanapun al-Syarman (2010) tidaklah menjelaskan bilakah hadith *al-mawdu'iy* itu muncul secara spesifik.

Menurut al-Zayyan (2002:218-219) pula, kajian hadith menggunakan kaedah hadith *al-mawdu'iy* ini telah bermula pada zaman mutakhir ini, tetapi ia tidaklah terkeluar dari skop yang telah digariskan pada penulisan al-Sunnah ketika zaman pembukuan yang terdahulu iaitu pada zaman Ibn Shihab al-Zuhriy. Dengan itu, ia telah terbit sebagai suatu disiplin ilmu yang tersendiri. Menurut al-Zayyan (2002) lagi, hadith *al-mawdu'iy* ini telah diajar di universiti-universiti. Selain itu, penyelidikan menggunakan kaedah ini juga turut dilakukan oleh pelajar-pelajar dan golongan-golongan pakar. Oleh itu, pihak universitilah yang banyak membantu dalam perkembangan hadith *al-mawdu'iy* ini terutamanya pihak Universiti *Al-Azhar*, Mesir.

Berdasarkan pendapat al-Syarman (2010) dan al-Zayyan (2002) sebelum ini dapatlah dirumuskan bahawa idea awal kaedah hadith *al-mawdu'iy* ini telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW, tetapi pada ketika itu ia belum dikenali dengan nama kaedah hadith *al-mawdu'iy*. Sebenarnya, nama kaedah hadith *al-mawdu'iy* mula diperkenalkan oleh *muhaddithin* pada zaman mutakhir ini.

Ciri-Ciri Khusus Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy*

Berdasarkan usaha pengolahan maksud hadith *al-mawdu'iy* sebelum ini, suatu gambaran mengenai ciri-ciri khusus disiplin ilmu ini dapat dikenal pasti. Paling tidak, terdapat enam ciri khusus hadith *al-mawdu'iy*.

Pertama, ilmu ini bersifat ijtihadik yang bertunjangkan penelitian yang mendalam terhadap realiti permasalahan dan kefahaman yang sebenar terhadap nas, sama ada pada teks dan konteksnya. Hal ini

membawa kepada peletakan sesuatu nas secara tepat dengan isu perbincangan. Perbezaan pandangan dan kefahaman adalah diterima selagi ia memenuhi disiplin dan semangat ijtihad.

Kedua, perbincangan ilmu ini dapat melahirkan semangat yang memberi tumpuan kepada pemikiran dan persoalan yang menjadi perbincangan semasa. Tujuannya adalah untuk mencari penyelesaian atau pencerahan Islam berdasarkan nas-nas hadith sebagai sumber terpenting yang kedua selepas al-Qur'an. Ketiga, tidak harus membincangkan disiplin ilmu ini di luar kotak limitasinya. Isu-isu yang tidak boleh dikaitkan dengan hadith-hadith secara langsung atau tidak langsung tidak termasuk dalam perbincangan hadith *al-mawdu'iy*.

Keempat, fungsi sebenar kaedah hadith *al-mawdu'iy* ini adalah mengkaji sesuatu tajuk itu dengan mengumpulkan semua hadith berkaitan dari semua sumber asal rujukan hadith. Namun, keterbatasan masa dan kudrat mengizinkan pemilihan sumber-sumber terpilih seperti dari sumber *Sahih al-Bukhariy*, *Sahih Muslim*, *al-Kutub al-Sittah* (Kitab Enam Imam), *al-Kutub al-Tis'ah* (Kitab Sembilan Imam), dan sebagainya.

Kelima, pemilihan topik daripada sesebuah hadith juga boleh dianggap sebagai kaedah hadith *al-mawdu'iy* iaitu dengan menghimpunkan semua riwayat, membuat perbandingan lafaz-lafaz dan menganalisis teks hadith. Sesebuah hadith itu melalui proses tradisi disiplin hadith sebelum terjalin ikatan dan berhubung kait dengan permasalahan semasa yang menjadi topik perbincangan.

Keenam, penilaian terhadap status hadith adalah satu kemestian dalam pendekatan hadith *al-mawdu'iy*. Hadith *mawdu'* (palsu) dan *da'if* (lemah) yang tidak boleh dibuat hujah tidak seharusnya dipilih untuk membina sesuatu pandangan dan penyelesaian Islam.

Perbezaan Antara Penyusunan Hadith Secara *Mawdu'* (Topikal) Dengan Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy*

Penyusunan hadith secara *mawdu'* memang telah menjadi amalan para *muhaddithin* (ulama hadith) sejak dahulu lagi ('Itr, 1987:91-94)¹. Bahkan penyusunan mengikut pendekatan inilah yang mula-mula sekali digunakan sejak peringkat pertama pembukuan hadith iaitu peringkat *jawami'*, *musannafat* dan *muwatta'at* yang kemuncak pencapaiannya ialah kemunculan Kitab *al-Muwatta'* karangan Imam Malik r.a.

Hadith-hadith disusun mengikut topik utama yang dinamakan kitab, sebelum dipecah-pecahkan kepada sub-topik yang dinamakan bab. *Jawami'* menghimpunkan semua jenis hadith dalam semua topik utama agama. Manakala *musannafat* mengandungi Hadith *Marfu'*, Hadith *Mawquf* dan Hadith *Maqtu'* biasanya memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk Fiqh Islami. *Muwatta'at* pula menjadi nama pilihan sebahagian ulama hadith dalam menulis *musannafat*.

Hal ini berbeza dengan peringkat kedua pembukuan hadith iaitu *masanid* yang menyusun hadith mengikut nama sahabat yang meriwayatkannya. Namun generasi ketiga pembukuan hadith iaitu peringkat *sihah* dan *sunan* memilih semula penyusunan hadith secara *al-mawdu'iy* kerana beranggapan ia adalah lebih membantu dan memudahkan proses pencarian hadith (al-Umariy, 1993:300-308).

Ringkasan perbandingan antara penyusunan hadith secara *mawdu'* dengan kaedah hadith *al-mawdu'iy* adalah seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1.

¹ Terdapat 5 kategori karya hadith yang disusun secara *mawdu'* iaitu *al-jawami'*, *al-Musannafat*, *al-Sunan*, *al-Mustadrakat*, dan *al-Mustakhrajat*. Untuk perincian lihat 'Itr (1987:91-94).

Jadual 1: Perbezaan antara Penyusunan Hadith Secara *Mawdu'* Dengan Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy*

Bil.	Penyusunan Hadith Secara <i>Mawdu'</i>	Kaedah Hadith <i>Al-Mawdu'iy</i>
1	Bermula seawal sejarah pembukuan hadith	Bermula pada zaman kini. Kemunculannya kerana kesan dan pengaruh semangat kebangkitan serta kesedaran untuk kembali kepada penyelesaian
2	Memberi tumpuan utama kepada kerja menghimpun dan mendokumentasikan teks-teks hadith secara bersanad bagi tujuan pemeliharaan dan pembukuan	Memberi tumpuan kepada kerja analisis, kupasan dan ulasan yang bertujuan mencari jawapan kepada pandangan dan penyelesaian Islam bagi sesuatu permasalahan semasa
3	Bahan utama hadith sepanjang zaman yang menjamin keaslian sumber agama dan sesuai digunakan untuk semua jenis kaedah dalam penulisan dan kajian	Usaha-usaha ijtihad ilmuan Islam dalam memahami teks-teks hadith dalam konteks semasa

Jadual 1 mempamerkan perbezaan antara penyusunan hadith secara *mawdu'* dengan kaedah hadith *al-mawdu'iy*. Meskipun jelas wujud perbezaan antara kedua-duanya, namun ia tetap mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Sebenarnya, hadith yang disusun secara *mawdu'* menjadi sumber rujukan asal kepada penulisan hadith *al-mawdu'iy*. Penyusunan hadith secara *mawdu'* yang diasaskan oleh ulama hadith tradisional banyak membantu dan memudahkan pengkaji kontemporari dalam pengkajian hadith *al-mawdu'iy* (Ahmad Hasyim, 1996:28-31). Sekarang ini, proses pencarian hadith-hadith dari sumber asal menjadi lebih mudah dan cepat dengan bantuan teknologi perisian komputer, laman web dan cakera padat.

Langkah-Langkah Kajian Hadith Menggunakan Kaedah *Al-Mawdu'iy*

Kajian hadith menggunakan kaedah *al-mawdu'iy* mempunyai beberapa langkah yang mesti diikuti. Perbincangan tentang langkah-langkah ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, langkah-langkah umum; dan kedua, langkah-langkah khusus.

a) Langkah-Langkah Umum Hadith *Al-Mawdu'iy*

Terdapat tujuh langkah umum hadith *al-mawdu'iy* yang dicadangkan oleh al-Zayyan (2002:228-229). Ketujuh-tujuh langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Pemilihan tema atau tajuk: Pengkaji hadith *al-mawdu'iy* akan memilih judul atau tema yang diperlukan oleh umat Islam masa kini. Hal ini penting supaya judul yang dipilih itu boleh menyumbang ke arah kemajuan, ketamadunan dan perjuangan Islam. Dalam perkataan lain, judul yang dipilih itu berpotensi untuk menyelesaikan kekusutan umat Islam termasuklah isu-isu yang memerlukan penyelesaian dan jalan keluar.
2. Pengumpulan hadith: Berusaha mengumpulkan semua hadith yang berkaitan dengan judul kajian. Proses pengumpulan ini dilakukan secara teliti dari semua sumber utama hadith yang muktabar.
3. Penelitian status hadith: Meneliti sanad hadith mengikut metode ahli hadith seperti menggunakan ilmu *rijal* (ilmu yang membincang tentang keadaan perawi-perawi, perjalanan hidup mereka, baik mereka dari kalangan sahabat, *tabi'in*, dan *tabi' tabi'in*), ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* (ilmu yang membincang tentang keadaan para perawi dari segi penerimaan atau penolakan riwayat mereka), dan ilmu *al-'ilal* (ilmu yang membincangkan suatu sebab yang tidak nampak atau samar-samar yang dapat mencatatkan kesahihan sesebuah hadis). Hadith yang terbukti boleh dibuat hujah sahaja yang dipilih untuk dimasukkan dalam kajian.
4. Pengenalpastian isi-isi penting: Mengenal pasti dan mengeluarkan isi-isi penting yang berkaitan dengan judul kajian berdasarkan hadith-hadith yang dikumpul sangat penting dilakukan bagi mengelak perbincangan terkeluar daripada judul kajian.

5. Berpegang kepada *manhaj ilmi* (pendekatan akademik): Para pengkaji mestilah amanah dan jujur dalam *naql* (memindahkan pendapat) dan *naqd* (mengkritik pendapat), bersikap telus, dan tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam menangani perbezaan pandangan terutamanya dalam pengambilan hukum dan kefahaman teks supaya mendapat keputusan dan rumusan yang terbaik.
6. Penghuraian teks: Teks-teks hadith yang dipetik mestilah dihurai secara tepat tanpa membebankan nas dengan sesuatu perkara yang tidak tertanggungnya semata-mata kerana mahu membuktikan kewujudan hadith dalam topik perbincangan.
7. Perhubungan dengan realiti semasa: Perbincangan tentang tajuk kajian mestilah dihubungkan dengan realiti semasa masyarakat Muslim. Hal ini bagi memudahkan pencapaian objektif kajian.

b) Langkah-Langkah Khusus Hadith Al-Mawdu'iy


Langkah-langkah yang dikemukakan oleh al-Zayyan (2002:228-229) turut dipersetujui oleh al-Syarman (2010:236-239) dan al-Asyrafy (2012). Namun, al-Syarman (2010:236-239) menyatakan langkah-langkah yang dikemukakan oleh al-Zayyan (2002) tersebut merupakan langkah-langkah umum yang digunakan dalam kajian hadith *al-mawdu'iy*. Oleh yang demikian, al-Syarman (2010:236-239) telah memperincikan lagi langkah-langkah al-Zayyan (2002:228-229) tersebut sebagai langkah-langkah khusus dengan mengemukakan dua peringkat yang perlu dilalui oleh pengkaji dalam melakukan kajian hadith *al-mawdu'iy* ini. Peringkat pertama ialah membina *al-tasawwur* (gambaran awal) dan mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan kajian. Peringkat kedua pula ialah menulis dan merungkai *al-manhaj al-nabawiy* (pendekatan Nabi) berdasarkan hadith yang telah dikumpulkan. Kedua-dua peringkat ini mempunyai dua bahagian utama iaitu pertama, langkah-langkah yang berkaitan dengan judul atau tema. Kedua, langkah-langkah yang berkaitan dengan hadith.

Peringkat pertama iaitu peringkat pembinaan gambaran awal dan pengumpulan hadith mempunyai dua bahagian perbincangan. Bahagian pertama ialah langkah-langkah yang berkaitan dengan tajuk atau tema kajian. Pada bahagian ini, terdapat tujuh langkah yang dikemukakan oleh al-Syarmān (2010:236-239) iaitu pertama, memilih judul atau tema kajian yang sesuai; kedua, memahami dengan mendalam judul atau tema kajian yang dipilih tersebut; ketiga, menetapkan objektif kajian; keempat, menggubal judul yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan; kelima mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan judul atau tema kajian yang dipilih; keenam, meneliti dan meneroka kaitan judul atau tema kajian dengan realiti semasa dan kajian-kajian ilmiah yang lain; dan ketujuh, menulis kertas cadangan kajian. Bahagian kedua pula ialah langkah-langkah yang berkaitan dengan hadith. Terdapat dua langkah dalam bahagian ini iaitu pertama, menapis hadith-hadith yang boleh diguna pakai sahaja; dan kedua, memahami kandungan hadith, mengetahui huraiannya dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya.

Peringkat kedua pula iaitu peringkat penulisan dan penerokaan *al-manhaj al-nabawiy* juga mempunyai dua bahagian perbincangan. Bahagian pertama adalah langkah-langkah yang berkaitan tajuk atau tema kajian. Ia terbahagi kepada sembilan langkah iaitu pertama, tajuk atau tema kajian hendaklah meliputi keseluruhan perbincangan yang terkandung dalam hadith-hadith dan kajian-kajian ilmiah yang ada; kedua, perbincangan tajuk atau tema kajian mestilah berpandukan al-Qur'an dalam menyelesaikan keperluan semasa; ketiga, perbincangan tajuk atau tema kajian mestilah berpandukan *maqasid al-syari'ah* (tujuan-tujuan pensyariaan) dalam menyelesaikan keperluan semasa; keempat, memenuhi tuntutan-tuntutan dan ciri-ciri tajuk atau tema kajian; kelima, meneroka dan mengeluarkan objektif dan *al-manhaj al-nabawiy*; keenam, perbincangan mestilah meliputi pelbagai pandangan dan idea yang mampu memenuhi keperluan semasa; ketujuh, menghubungkan *al-manhaj al-nabawiy* dengan realiti semasa yang berlaku; kelapan, berpegang teguh dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan sesebuah kajian ilmiah; dan kesembilan, menunjukkan hasil kajian kepada pakar-pakar yang berkaitan dengan bidang. Bahagian kedua pula ialah langkah-langkah yang berkaitan dengan hadith dan gaya penulisan kajian. Ia mengandungi empat langkah iaitu, memilih riwayat dan mengguna pakai *al-*

syawahid (petunjuk-petunjuk) dan *al-mutaba'at* (criteria-kriteria); kedua, menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengeluarkan hadith daripada sumbernya yang asal; ketiga, menyelesaikan kemusykilan yang timbul berkaitan hadith jika ada; dan keempat, menggunakan gaya bahasa dan gaya penyampaian yang baik dalam penulisan.

Ringkasan peringkat-peringkat perincian langkah-langkah umum hadith *al-mawdu'iy* kepada langkah-langkah khusus dijelaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Perincian Langkah-Langkah Umum *Hadith Al-Mawdu'iy* Kepada Langkah-Langkah Khusus

Kesesuaian Pengaplikasian Kaedah Hadith *Al-Mawdu'iy* Dalam Penyelidikan Berkaitan Islam


Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kaedah hadith *al-mawdu'iy* sebelum ini, terdapat dua aspek kesesuaian pengaplikasian kaedah hadith *al-mawdu'iy* dalam sesuatu penyelidikan, terutamanya penyelidikan yang berkaitan Islam dan orang Islam. Kedua-dua aspek tersebut ialah aspek penarafan sumber data, dan aspek penganalisan data.

a) Penarafan Sumber Data

Sebagaimana yang dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini, kaedah hadith *al-mawdu'iy* merupakan kaedah pengumpulan hadith-hadith yang berkaitan sesuatu judul atau tema. Proses pengumpulan hadith ini dilakukan secara teliti dari semua sumber utama hadith yang muktabar. Dalam hal ini, hadith-hadith tersebut perlu dikumpul berdasarkan periwayatan yang paling sahih seperti hadith-hadith yang terdapat dalam Kitab *Sahih al-Bukhariy* dan Kitab *Sahih Muslim*.

Dalam pengumpulan data, kaedah penarafan sumber data yang dilakukan oleh *muhaddithin* sangat sesuai digunakan untuk menentukan keutamaan, keaslian, autoriti, dan kesahihan sesuatu data khususnya dalam penyelidikan kualitatif. Dalam hal ini, ia boleh dijadikan satu piawai yang perlu dipatuhi bagi menentukan sesuatu data seperti dokumen atau teks yang digunakan dalam penelitian kualitatif terutamanya telah memenuhi piawaiannya. Begitu juga dengan sumber-sumber selain al-Qur'an dan Hadis, autoriti dan kepakaran seseorang dalam sesuatu bidang yang menjadi rujukan hendaklah diambil kira sebagai keutamaan. Sebenarnya metode penarafan sumber ini tidak terhad kepada bidang-bidang penelitian berkaitan Islam sahaja. Bagi bidang-bidang penelitian yang tidak berkaitan Islam juga sangat digalakkan menggunakan kaedah ini untuk menentukan keaslian,

keautoritian dan kredibiliti sesuatu sumber. Kaedah penarafan sumber data ini diringkaskan seperti Rajah 2.



Rajah 2: Metode Penarafan Sumber Data

b) Penganalisan Data

Berdasarkan penelitian yang dilakukan sebelum ini, didapati kaedah hadith *al-mawdu'iy* yang digunakan oleh *muhaddithin* dalam penganalisan teks-teks hadith yang mempunyai judul atau tema yang sama boleh diaplikasikan sebagai kaedah penganalisan sesuatu teks atau dokumen (kualitatif) dalam sesuatu penelitian berkaitan Islam. Dalam perkataan lain, kaedah hadith *al-mawdu'iy* ini sesuai diaplikasikan dalam penganalisan data bagi sesuatu kajian yang dilakukan berdasarkan teks-teks atau dokumen-dokumen yang mempunyai persamaan tema atau tajuk. Contohnya, kajian tentang isu-isu akidah yang dilaporkan dalam Akhbar *Utusan Malaysia* (1990-2000). Dalam kajian sebegini, seseorang penyelidik akan mengumpulkan semua laporan akhbar yang berkaitan isu-isu akidah. Setelah dikumpul, semua laporan tersebut akan dianalisis menggunakan metode hadith *al-mawdu'iy*.

Secara lebih khusus lagi, bagi sesuatu penyelidikan yang berasaskan sesuatu teks atau dokumen, seseorang penyelidik boleh menggunakan kaedah *al-mawdu'iy* sebagai kaedah penganalisisannya. Dalam hal ini, penyelidik boleh menyesuaikan kaedah *al-mawdu'iy* yang digunakan untuk menganalisis teks wahyu seperti al-Qur'an dan hadith dalam menganalisis teks sastera dan sejarah Islam. Kaedah penganalisan teks berdasarkan kaedah *al-mawdu'iy* boleh dilakukan seperti berikut:

- a. Menetapkan Judul atau Tema
Setiap penyelidik perlu menetapkan tema yang ingin dikaji dalam satu atau beberapa teks naskhah. Tema yang ditentukan itu hendaklah yang terdapat dalam teks, sama ada secara tersurat atau tersirat. Tema itu juga perlu ditentukan sama ada ia tema utama atau sampingan dalam teks tersebut.
- b. Pembahagian Teks
Teks atau dokumen yang dikaji dibahagikan kepada dua isi kandungannya, iaitu teks yang mengandungi tema yang akan dikaji dan teks yang tidak mengandungi tema tersebut. Setiap tema yang hendak dikaji perlu diperincikan perbincangan yang akan dilakukan.
- c. Penyusunan Perbincangan dan Analisis Dalam Sebuah Kerangka
Pada peringkat ini penyelidik perlu menentukan perbincangan dan analisis yang akan dilakukan, iaitu dengan menentukan tajuk-tajuk besar dan kecil dengan terperinci. Pembahagian bab dan sub-sub bab perlu dilakukan dengan teliti.

d. Penganalisan Berdasarkan Sumber-Sumber Utama

Setiap tema yang dikaji dalam sesuatu teks khususnya teks sastra Islam perlu juga dirujuk kepada sumber-sumber utama dalam Islam, iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, pandangan para Sahabat Rasulullah SAW, pandangan *al-tabi'in*, pandangan *tabi' al-tabi'in*, pandangan ulama muktabar, dan cendekiawan-cendekiawan Islam. Setiap perbincangan dan analisis perlu disahkan kebenaran atau sebaliknya dengan rujukan tersebut.

e. Rumusan Analisis

Pada peringkat akhir kajian, penyelidik membincangkan dan merumuskan penemuan-penemuan atau dapatan-dapatan yang terkandung dalam teks-teks yang dikaji tersebut. Di sinilah nanti akan dibentangkan pandangan penulis teks yang dikaji berhubung perkara yang dikaji.

Semua langkah analisis teks berdasarkan kaedah *al-mawdu'iy* yang dibincangkan ini diringkaskan seperti Rajah 3.



Rajah 3: Langkah-Langkah Analisis Teks Berdasarkan Kaedah *al-Mawdu'iy*

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, didapati kaedah hadith *al-mawdu'iy* yang diguna pakai oleh *muhaddithin* sesuai diaplikasikan dalam penganalisan data penyelidikan berkaitan Islam, terutamanya kaedah *al-mawdu'iy* kerana ia merupakan kaedah hadith yang paling baharu dan lebih sistematik. Bagi tujuan menghasilkan satu kaedah analisis data yang lebih komprehensif dan sistematik, kaedah hadith *al-mawdu'iy* ini boleh diteroka secara lebih mendalam lagi melalui kajian-kajian khusus, sama ada kajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda atau pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Penghargaan:

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian yang berjudul *Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Berdasarkan Hadith Dalam Sahih Al-Bukhariy (16 Ogos 2014-15 Ogos 2016) yang dibiayai oleh Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang [304/CISDEV/6313062]*.

Rujukan

- ‘Abd al-Hadi, Abu Muhammad ‘Abd. al-Mahdi bin ‘Abd. al-Qadir. (1987). *Turuq Takhrij Hadith Rasul Allah Salla Allah ‘Alayh wa Sallam*. Kaherah, Mesir: Dar al-I‘tisam.
- ‘Itr, ‘Abd al-Rahman (1987). *Ma‘alim al-Sunnah al-Nabawiyah*. Jordan: Dar al-Manar.
- Abd al-Rahim, Abd al-Jalil. (1992). *Al-Tafsir al-Mawdu‘iy fi Kaffatay al-Mizan*. ‘Amman, Jordan: Dar al-Nafa’is.
- Abu Zahw, Muhammad (1984). *Al-Hadith wa al-Muhaddithun*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Ahmad ‘Aliy ‘Abd al-Rahim (2007). *Tawdh ‘Ulum al-Hadith*. Al-Zaqaziq, Mesir: Kuliyyah Usul al-Din wa al-Da‘wah, Jami‘ah al-Azhar.
- Ahmad Hasyim, Muhammad Mahmud (1996). *Dirasat fi Manahij al-Muhaddithin*. Al-Zaqaziq, Mesir: Kuliyyah Usul al-Din wa al-Da‘wah, Jami‘ah al-Azhar.
- Ahmad Haydar Muhammad Sadiq & Muḥammad Mahmud Abu Hashim. (t.th.). *Dirasat fi Manahij al-Muhaddithin*. Al-Zaqaziq, Mesir: Kuliyyah Usul al-Din wa al-Da‘wah, Jami‘ah al-Azhar.
- Ahmad Haydar Muhammad Sadiq (2006). *Ghayth al-Mugith fi Mustalah al-Hadith*. Al-Zaqaziq, Mesir: Kuliyyah Usul al-Din wa al-Da‘wah, Jami‘ah al-Azhar.
- Al-Asyrafy, Hayfa’ ‘Abd al-‘Aziz. (2014). *Al-Syarh al-Mawdu‘iy li al-Hadith al-Syarif: Dirasah Nazariyyah Tatbiqiyah*. Kaherah, Mesir: Dar al-Salam.
- Al-Farmawiy, ‘Abd al-Hayy. (1977). *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdu‘iy*. Kaherah, Mesir: Al-Hadarah al-‘Arabiyyah.
- Al-Khalidiy, Salah ‘Abd al-Fattah. (2001). *Al-Tafsir al-Mawdu‘iy Bayn al-Nazariyyah wa al-Tatbiq Dirasah Nazariyyah wa Tatbiqiyah Murafaqah bi Namazij wa Lata‘if al-Tafsir*. ‘Amman, Jordan: Dar al-Nafa’is.
- Al-Syarman, Khalid Muhammad Mahmud. (2010). *Al-Hadith al-Mawdu‘iy: Dirasah Ta’siliyyah Tatbiqiyah*. Hamman: Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Al-Umariy, Akram Diya’. (1993). *Buhuth fi Tarikh al-Sunnah al-Musyarafah*. Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa Hikam.
- Al-Zayyan, Ramadan Ishaq. (2002). *Al-Hadith al-Mawdu‘iy Dirasah Nazariyyah*. Majallah al-Jami‘ah al-Islamiyyah. Jilid 10, Bil. 3, hlm, 207-248.
- Mahmod Zuhdi Abd. Majid (2009). *Aplikasi Kaedah Usul Fiqh Dalam Penyelidikan*. Siri Kertas Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV). Pulau Pinang: ISDEV, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shukri Hanapi (2013). “Aplikasi Kaedah *Mufassirin* Dalam Penganalisisan Data Penyelidikan Berkaitan Islam”, kertas kerja yang dibentangkan di *The 7th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2013)*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang, pada 9-10 Disember.
- Mohd Syahmir Alias (2014). *Konsep Sainifik Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Ibn Al-Haytham*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Telah diterbitkan.
- Muslim, Mustafa. (1997). *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdu‘iy*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nor Hanani Ismail (2015). *Kaedah Naqd Hadith Sebagai Kaedah Penentu Kesahan Data Bagi Penyelidikan Berkaitan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Nur Ilani Mat Nawi (2012). *Aplikasi Algebra Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Shahir Akram Hassan (2009). *Kaedah Pengumpulan Hadith: Satu Kaedah Pengumpulan Data*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Telah diterbitkan.

- Shahir Akram Hassan (2014). *Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik Dalam Penyelidikan Berkaitan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014). *Aplikasi Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zahri Hamat & Zul-kifli Husin (2008). "Kualiti Responden dalam Penyelidikan: Tinjauan Awal Kes Periwayaan Hadith", kertas kerja yang dibentang dalam *Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 6 Februari.